

LAWATAN KETUA JABATAN PERLIS KE KUKUM



Lebih 80 Ketua Jabatan dan Pengetua Sekolah Menengah seluruh negeri hadir dalam Program sehari KUKUM bersama Ketua Jabatan dan Pengetua Sekolah Menengah Negeri Perlis di Kubang Gajah.

Program tersebut merupakan aktiviti yang bertujuan memperkenalkan KUKUM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam-IPTA yang memfokuskan kepada bidang kejuruteraan.

Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya berkata program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada ketua-ketua jabatan dan pengetua sekolah bagaimana KUKUM beroperasi dan kemudahan yang disediakan dalam proses pembelajaran.

Bercakap dalam kenyataannya, beliau berkata program sehari itu juga dapat memperjelaskan kepada peserta program bahawa KUKUM bertekad menjadi sebuah IPTA ulung dalam melahirkan jurutera-jurutera mahir yang berwibawa. Sekaligus ia membuktikan KUKUM bukanlah universiti kelas kedua.

Para peserta antara lain turut dibawa melawat Pusat Pengajian Jejawi, Kompleks Nakmal KUKUM di Kg. Wai, Pusat Kejuruteraan dan Bilik Bersih serta kilang mengajar di Kuala Perlis.

